

Projek SMART harapan baru atasi banjir, kesesakan

MENYUSURI jalan bersebelahan Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), di Jalan Sungai Besi di ibu negara pada waktu puncak memang memeritkan kerana terpaksa berhadapan kesesakan lalu lintas yang amat teruk.

Sejak bertahun-tahun lalu jalan berkenaan sentiasa sesak dengan pertambahan kenderaan. Kebosanan terserlah dan pemandu kenderaan tidak dapat mengelak, mahu tidak mahu terpaksa melalui jalan itu. Kesesakan menjadi lebih teruk apabila hujan lebat di kawasan itu, sekali gus banjir kilat mungkin melanda berikutan limpahan air dari sungai berhampiran.

Justeru, pembinaan Projek Terowong Jalan dan Pengurusan Air Banjir (SMART) yang dimulakan pada 2003 dengan kos RM1.9 bilion itu dijangka memberi harapan baru kepada warga kota untuk mengatasi masalah kesesakan selain turut berfungsi mengatasi masalah banjir di ibu negara.

Pada dasarnya terowong lencongan air itu mampu menampung sehingga tiga juta meter padu air dengan mengalihkan dari Sungai Klang di Kampung Berembang, Ampang melalui terowong ke kolam tadahan di Taman Desa, Jalan Klang Lama sebelum dilepaskan secara terkawal ke Sungai Kerayong.

Pembukaan laluan pada akhir bulan depan begitu dinanti-nantikan dan diharapkan akan berakhir episod kesesakan lalu lintas di kawasan itu yang dikatakan digunakan kira-kira 200,000 kenderaan sehari ke laluan alternatif ke pusat bandar.

Kini, dalam kesibukan melakukan kerja terakhir, kesesakan bertambah teruk dan itulah situasi membosankan terpaksa dialami pemandu dalam menghadapi kesesakan jalan di situ.

Laluan masuk ke terowong pintar itu mempunyai tiga pintu masuk dan keluar yang dibina bersebelahan TUDM, Jalan Sultan Ismail (bersebelahan bangunan Berjaya Time Square) dan Jalan Tun Razak (berhadapan bangunan RHB) dijangka memberi nafas baru kepada penduduk ibu kota dan diharapkan mampu mengurangkan ketegangan dan tekanan ketika memandu.

Laluan kira-kira empat kilometer itu bakal memendekkan masa perjalanan kepada lima minit berbanding 30 minit sekarang dari Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Sungai Besi menuju ke Bulatan Kampung Pandan. Kesesakan dijangka berkurangan kerana motosikal serta kenderaan berat seperti lori dan bas tidak dibenarkan melalui jalan itu.

Pada masa sama, projek dengan konsep dwifungsi SMART dikendalikan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan kerjasama kontraktor tempatan, Mining Corporation Berhad (MMC) dan Gamuda Berhad serta menjadi terowong terbesar di Asia Tenggara dan pertama seumpamanya di dunia.

Dengan projek mencecah berbilion ringgit itu, ia seharusnya dikendali dan diselenggara secara lebih berkesan dalam pelbagai aspek. Kita tidak mahu ia menjadi projek yang hanya gah pada nama sedangkan masalah utama pembinaannya nanti gagal mencapai matlamatnya. Malah, isu banjir kilat yang seakan tidak berkesudahan di ibu kota juga dapat diselesaikan.

Sementara itu, kenyataan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, baru-baru ini, bahawa terowong berkenaan dibuka kepada orang ramai secara percuma selama sebulan sebelum bayaran tol ditentukan dan dikuatkuasakan Kabinet, melegakan pengguna untuk seketika.

Kertas cadangan bagi menentukan kadar bayaran tol sudah dikemukakan dan terpulang kepada Kabinet membuat keputusan. Sebagai pengguna, kita memang tidak dapat mengelak daripada membayar tol sebagai imbuhan kepada rakyat atas kemudahan dan keselesaan disediakan itu selepas membelanjakan kos yang begitu tinggi.

Cuma apa yang diharapkan supaya kadar tol dikenakan berpatutan dengan keadaan semasa. Kita percaya dengan kadar munasabah untuk tempoh tertentu sebelum dinaikkan mengikut perjanjian konsesi pengendali lebuh raya. Pengguna pasti dapat menerima dengan hati terbuka jika harganya menepati dengan keadaan ekonomi negara sekarang dan sekali gus dapat mengelak bantahan atau piket daripada pengguna.

Aliran perjalanan selama sebulan itu boleh digunakan pihak berkuasa untuk melihat sejauh mana kelicinan dan keberkesanan laluan terowong itu sebaik saja dibuka kepada umum. Laluan bayaran tol juga perlu disediakan secukupnya termasuk kemudahan seperti Smart Tag dan Touch 'N Go (T&G) supaya tidak berlaku kesesakan lalu lintas.

Sesungguhnya, laluan itu penting kerana ia adalah pintu masuk ke pusat bandar raya daripada Lebuh Raya Utara Selatan-Seremban. Jika keadaan kesesakan lalu lintas itu berterusan pastinya memberikan imej kurang baik kepada negara terutama pelancong asing.

Perjalanan selesa dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) tidak seharusnya terbantut apabila memasuki laluan itu. Pembinaan terowong pintar itu melambangkan kemajuan dan kemodenan Malaysia yang menyediakan kemudahan infrastruktur tercanggih.